



IR. TS. DR.
CASSIDY ANAK MORRIS

*"Sentiasa tingkatkan kompetensi kerana tiada
kejayaan tanpa pengorbanan"*



Ir. Ts. Dr. Cassidy Anak Morris, seorang tokoh terkemuka dalam bidang kejuruteraan dan pentadbiran telah berkhidmat selama 25 tahun di bawah naungan Jabatan Kerja Raya Sarawak. Beliau kini memegang jawatan yang beliau menerajui perancangan dan pelaksanaan projek-projek utama di negeri Sarawak.

Dari awal langkahnya ke alam universiti, beliau meniti perjalanan di Matrikulasi UKM pada tahun 1994. Semangat beliau dalam dunia kejuruteraan membawanya meraih Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dan Struktur dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1997. Beliau meneruskan pengajian di Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan berjaya memperolehi Sarjana Pentadbiran Perniagaan pada tahun 2007. Sepanjang perkhidmatannya, beliau terus mencari ilmu yang lebih mendalam, sehingga ke peringkat Ijazah Kedoktoran Pentadbiran Perniagaan dari UiTMCS pada tahun 2023.



Pengalaman kerjaya beliau dalam bidang kejuruteraan dan pentadbiran telah merentasi pelbagai peringkat dan kawasan di Sarawak. Beliau memulakan kerjaya sebagai Jurutera Awam di Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan pada tahun 1998, dan beliau diberikan amanah sebagai Jurutera Daerah Saratok pada tahun 2008. Setiap amanah yang diberikan dipenuhi dengan dedikasi, membawa beliau ke jawatan Jurutera Bahagian Sri Aman pada tahun 2011 selama enam tahun. Beliau dilantik sebagai Pengurus Pejabat Wilayah Tengah JKR Sarawak pada tahun 2017, dan seterusnya, beliau berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah (Infrastruktur) Gred VU7 JKR Sarawak pada 6 Julai, 2022.

Prestasi luar biasa beliau dalam kerjaya terbukti melalui penghargaan yang diterima, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) telah memuliakan beliau sebanyak tiga kali, pada tahun 2004, 2013, dan 2018. Pengiktirafan sebagai Asean Chartered Professional Engineer (ACPE) dan Teknologis Professional (Ts) pada tahun 2022 telah menjolok naik Ir. Ts. Dr. Cassidy Anak Morris dalam dunia kejuruteraan dan profesionalisme.



Beliau adalah teladan sejati yang membawa cahaya kejayaan kepada negara dan masyarakat Sarawak.



Ir. Ts. Dr. Cassidy Anak Morris membuktikan bahawa kecemerlangan dan ketekunan dalam mengejar ilmu tidak mengenal had. Perjalanan cemerlangnya dalam bidang kejuruteraan dan pentadbiran, diserikan dengan dedikasinya sebagai alumni, memberikan impak yang besar dalam pembangunan infrastruktur Sarawak. Beliau adalah teladan sejati yang membawa cahaya kejayaan kepada negara dan masyarakat Sarawak.